



DAWKAH KEPADA ORANG ASLI DI MALAYSIA: PERMASALAHAN DAN HALANGAN

Oleh:

Syed Abdurahman bin Syed Hussin^{1*}
syedabdu@um.edu.my

ABSTRACT

This article discusses the problems and obstacles in the propagation of indigenous people in Malaysia. These problems and obstacles, if not addressed will slow efforts to integrate them into a multiracial society, especially the Malay Muslim community. There are three main problems and obstacles that slow the missionary efforts of this group. Firstly, problems and obstacles related to Da'wah institutions and preachers themselves. Secondly, problems related to Muslim community in particular with the neighboring villages of indigenous peoples. Finally, problems related to da'wah own targets. All these problems and obstacles can be categorized into the internal problems and obstacles. Furthermore, there are also some problems and obstacles that could be categorized as an external problem such as the dissemination of Christianity, Bahai and Qadyani, the interference of Chinese traders and those who are irresponsible in taking opportunities on the degeneration of aboriginal community.

Keywords: Da'wah, Indigenous people, Malaysia

^{1*} Syed Abdurahman bin Syed Hussin, PhD, merupakan pensyarah di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Cawangan Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan.



PENDAHULUAN

Kerja dakwah bukanlah merupakan perkara yang senang, kerana ia melibatkan masalah mengubah pegangan dan kefahaman hidup manusia atau sebagaimana yang disebut oleh al-Bahi al-Khawli “memindahkan manusia dari suatu persekitaran kepada suatu persekitaran yang lain”.² Dalam usaha dakwah ini pendakwah akan berhadapan dengan pelbagai sasaran dari pelbagai sudut bermula dari sudut pegangan dan kepercayaan, adat resam dan tradisi, cara hidup, taraf pemikiran, pendidikan dan lain-lain. Selain dari itu pendakwah akan berhadapan dengan pertembungan bukan setakat perkara-perkara tersebut di atas tetapi juga dalam bentuk halangan dan rintangan dari yang kecil hingga besar kepada pembunuhan. Semua ini menuntut pendakwah mempunyai persediaan yang mantap dari sudut *thaqafi* atau keilmuan, fizikal dan kerohanian.³

Yang dimaksudkan dengan keilmuan di sini adalah dari dua sudut iaitu kefahaman yang baik terhadap Islam yang hendak disampaikan, juga kefahaman yang baik terhadap anutan dan kepercayaan yang dipegang dan segala perkara yang berkaitan dengan persekitaran atau suasana sasaran yang ingin diubah oleh pendakwah. Kefahaman yang baik tentang Islam yang akan dibawa dan dipersembahkan kepada sasaran diperlukan dari pendakwah agar dia dapat menyampaikan Islam dengan jelas dan mudah kepada sasaran. Memahami dan mendalami keadaan sasaran juga segala suasana yang melingkungi kehidupan mereka membolehkan pendakwah merangka suatu pendekatan yang baik dan sesuai.

Oleh kerana pendakwah berusaha ke arah mengubah hidup sasarnya bermula dari anutan dan kepercayaan, cara hidup, adat resam, budaya dan lain-lain, maka sudah tentu kerja begini akan menghadapi tantangan dan halangan serta pertembungan dalam berbagai bentuk dan keadaan. Hal ini memerlukan pendakwah memiliki daya tahan dan fizikal yang lasak untuk berdepan dengan berbagai situasi dan keadaan serta halangan.

Pendakwah juga perlu memiliki kerohanian yang tinggi dalam erti mempunyai hubungan yang rapat dengan Allah melalui ibadat yang

² *Tadhkirat al-Du`ah* (1979), Kuwait: Maktabah al-Falah, h. 35.

³ `Ulwan, `Abd Allah Nasih (1985), *Hadhihi al-Ta`wih..ma Tabi`atuhu*, Beirut: Dar al-Salam, h. 4.



melahirkan keyakinan dan pergantungan yang bulat terhadap Allah. Kerohanian yang tinggi melalui hubungan yang kuat dengan Allah melahirkan sifat-sifat yang diperlukan oleh pendakwah dari keyakinan terhadap pertolongan serta bantuan dan perlindungan Allah, kepada sifat sabar dalam menghadapi karenah sasaran dan segala bentuk halangan yang dilakukan oleh mereka, sifat tawado', zuhud, lemah lembut, ikhlas dan lain-lain lagi yang merupakan sifat yang akan memudahkan usahanya serta dapat menarik sasaran menerima dakwah.⁴

Dalam usaha dakwah terhadap Masyarakat Orang Asli di Malaysia juga terdapat banyak masalah dan halangan yang mungkin boleh melambatkan penerimaan Islam oleh mereka. Halangan-halangan tersebut boleh dikategorikan kepada tiga halangan besar iaitu halangan dari pendakwah, halangan dari sasaran serta halangan dari luar. Di sini akan dibicarakan halangan tersebut satu persatu.

HALANGAN DALAMAN

i) Pendakwah

Pendakwah merupakan teras utama dalam menentukan kejayaan dakwah. Pendakwah yang memiliki kemampuan ilmu, ketahanan mental, fizikal serta kerohanian yang kuat di samping mempunyai pengetahuan tentang bagaimana membentuk dan mempelbagaikan metod dan pendekatan dakwahnya melalui pelbagai *uslub*, *wasa'il* dan lain-lain berdasarkan kepelbagaian sasarannya akan merupakan pendakwah yang akan berjaya.

Antara masalah utama yang dihadapi dalam pendakwahan kepada masyarakat Orang Asli di Malaysia semenjak dahulu hingga kini ialah kekurangan pendakwah yang mampu dan berkebolehan atau yang memenuhi ciri yang tersebut di atas. Keadaan begini berlaku kerana amat sedikit institusi dakwah di negara ini yang memberi perhatian kepada dakwah keluar khususnya kepada Orang Asli. Sejak mencapai kemerdekaan sehinggalah ke pertengahan tahun tujuh puluhan usaha-usaha dakwah boleh dikatakan sepenuhnya ditumpukan kepada masyarakat Islam sendiri yang dikenali dengan dakwah ke dalam atau disebut dengan istilah *islah* oleh sesetengah tokoh dakwah tanahair dengan kefahaman bahawa dakwah

⁴ Wan Hussein Azmi (1984), *Ilmu Dakwah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 85-87. Lihat juga al-Tuwayr, Hasan Mas'ud (1992), *al-Da'wah ila Allah fi Daw'i al-Kitab wa al-Sunnah*, Damsyik: Dar Qutaybah, h. 87-101.



sebenarnya adalah ditujukan kepada masyarakat yang belum menganut Islam.⁵

Tumpuan dakwah ke dalam yang begitu ke depan dan cergas berbanding dengan dakwah ke luar yang amat lemah sebelum tahun tujuh puluhan adalah disebabkan suasana yang menimpa umat Islam. Terdapat ramai di kalangan umat Islam yang semakin jauh meninggalkan suruhan agama, di samping pelbagai gejala sosial dan keruntuhan moral, penyelewengan dalam akidah dan lain-lain menjadikan orang Islam yang prihatin berpendapat bahawa dakwah ke dalam adalah lebih utama di dahulukan.

Dakwah kepada Orang Asli berlaku dengan agak serius 25 hingga 30 tahun terakhir ini. Contohnya PERKIM walaupun ditubuhkan untuk menjalankan usaha dakwah kepada non muslim semenjak tahun 1960, tetapi usaha dakwah kepada Orang Asli baru dimulakan dalam tahun 1984 dalam bentuk klinik bergerak yang mendekati masyarakat Orang Asli dalam bentuk memberi rawatan ke beberapa perkampungan yang didatangi sekali sebulan. Klinik bergerak ini baru digerakkan dengan lebih serius dan sistematik dalam tahun 1992 dengan ditukar nama kepada Unit Dakwah Bergerak (UDB). Namun begitu UDB ini tidak memiliki pendakwah terlatih yang mampu tinggal di perkampungan Orang Asli yang dilawati, sebaliknya ia bekerjasama dengan institusi/jabatan lain untuk menempatkan pendakwah bagi menjalankan usaha susulan dalam mengajar Islam kepada Orang Asli di perkampungan yang memeluk Islam seperti Penggerak Masyarakat yang dilantik oleh JAKIM atau majlis agama Islam negeri atau lain-lain.⁶ Sebenarnya dakwah kepada Orang Asli telah dimulai lebih awal lagi oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM) melalui Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS) sebelum ditukar namanya dengan JAKIM selepas itu. Usaha dakwah kepada masyarakat Orang Asli dimulakan sejak awal tujuh puluhan lagi tetapi tidaklah dalam bentuk yang serius kerana tidak mempunyai pegawai yang terlatih. Bahagian dakwah

⁵ Hj. Muhammad bin Hj. Ahmad Dato' (1988), "Penghayatan Tentang Harakatul Dakwah dan Harakatul Islam", Kertas Kerja Seminar Kesedaran Umat Islam Untuk Berdakwah Kepada Masyarakat Belum Islam Di Malaysia, anjuran PERKIM, ABIM dan BAHEIS pada 21 Ogos 1988, h. 6.

⁶ Wawancara dengan Ustaz Hj. Shahidan bin Hj. Abdullah, Timbalan Pengarah Dakwah PERKIM di pejabatnya di Bangunan PERKIM Jalan Ipoh pada 18 Jun 1998, jam 10-11 pagi.



hanya merupakan unit kecil yang terletak di bawah Institut Dakwah Dan Latihan Islam (INDAH). Pegawai yang bertanggungjawab untuk dakwah keluar hanya seorang sahaja terletak di bawah unit kecil tanpa ada pembantu yang mencukupi di bawahnya pada masa itu. Selain dari itu pegawai ini juga bertanggungjawab dengan masalah dakwah di pusat-pusat serenti serta penjara yang menyebabkan tumpuan dakwah kepada masyarakat Orang Asli tidak dapat diberikan perhatian serius.⁷

Dakwah kepada Orang Asli dijalankan dengan lebih serius apabila Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Malaysia dalam persidangan kali ke 19 pada 22 April 1991 telah meluluskan penubuhan Cawangan Dakwah Khas Orang Asli (DOA), di BAHEIS, JPM. Ekoran dari penubuhan DOA ini dan demi melaksanakan usaha dakwah dengan lebih pesat maka diwujudkan jawatan Penggerak Masyarakat yang akan ditempatkan di perkampungan Orang Asli untuk memberi tunjuk ajar dalam berbagai perkara demi memajukan masyarakat Orang Asli serta memberi pengajaran agama kepada mereka yang telah memeluk Islam. Walau bagaimanapun jumlah jawatan yang diwujudkan itu tidak dapat dipenuhi semuanya oleh kerana tidak terdapat mereka yang sanggup memikul beban tugas Penggerak Masyarakat di perkampungan Orang Asli kerana cabarannya yang pelbagai. Dari 306 jawatan yang diwujudkan hanya 128 sahaja yang dapat diisi sehingga Oktober 1997, sedangkan jumlah perkampungan yang telah disenaraikan di seluruh Malaysia sebanyak 779.⁸ Terdapat juga sebilangan pendakwah atau Penggerak Masyarakat yang ditempatkan di perkampungan Orang Asli, kurang memberi perhatian serius dalam menarik minat Orang Asli mendekati Islam. Keadaan ini mungkin disebabkan mereka tidak mempunyai kemahiran dan pengalaman berdakwah kepada Orang Asli ditambah lagi dengan masalah kurang sokongan dari agensi-agensi kerajaan dan masyarakat Melayu berjiran. Terdapat juga ketua jabatan yang menghalang kakitangannya dari terlibat dengan usaha menarik minat masyarakat Orang Asli memahami ajaran Islam.⁹

⁷ Muhammad Bakir bin Hj. Mansor (1982), “Sejauh mana Usaha-Usaha Dakwah Yang Dibuat Oleh Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri Bagi Menarik Orang –Orang Islam Memeluk Islam dan Usaha-Usaha Selanjutnya”, Kertas Kerja Seminar Dakwah Saudara-Saudara Baru, Anjuran JAWI dan PERKIM pada 7 Nov 1982, h. 1-2.

⁸ Jabatan Perangkaan Malaysia (1997), “Profil Orang Asli Di Semenanjung Malaysia”, dalam *Siri Monograf Banci Penduduk no: 3*, t.p.: t.p., h. 1-2.

⁹ D.O.A. (1994), “Cabaran Pembinaan Insaniyah Masyarakat Orang Asli”, Kertas kerja Muzakarah Penyelarasian Aktiviti Dakwah Di Kalangan Orang Asli Peringkat



Mengikut Pengarah D.O.A JAKIM, penempatan Penggerak Dakwah di perkampungan Orang Asli bukanlah tujuan utamanya untuk mengajar Islam, sebaliknya sebagai pemandu atau penggerak kepada kemajuan masyarakat Orang Asli melalui tunjuk ajar tentang berbagai cara untuk memajukan diri dalam bidang kehidupan. Terdapat sebahagian dari Penggerak ini yang mengajar membaca al-Qur'an atau fardu ain diatas inisiatif mereka sendiri. Selain dari itu mereka juga menjadi pengawas kepada penyerapan pengaruh atau kemasukan penyebar agama lain.¹⁰ Selain dari itu terdapat juga pendakwah yang memasuki bidang ini bukan didorong oleh kesedaran terhadap tanggungjawab dakwah, tetapi oleh faktor penghidupan iaitu bekerja di pejabat atau makan gaji dan mengharapkan gaji yang tinggi, juga kenaikan pangkat dalam kerjaya mereka.¹¹

Keadaan ini juga dihadapi oleh Jabatan Agama Islam Selangor. Menurut Encik Zulhazmi¹² jabatan tersebut bukan sahaja kekurangan tenaga pendakwah terlatih, sebaliknya kakitangan dan pegawai yang sedia ada dibebani dengan tugas-tugas lain yang banyak. Lebih teruk lagi daripada keseluruhan pegawai di Bahagian Dakwah, hanya seorang sahaja yang ditugaskan khusus kepada masyarakat Orang Asli di seluruh Selangor. Keadaan ini menyebabkan aktiviti dakwah terhadap masyarakat Orang Asli khususnya di kalangan mereka yang belum Islam tidak diberikan tumpuan sepenuhnya. Keadaan tersebut sudah tentu memberi peluang yang luas kepada pendiayah-pendiayah agama lain keluar masuk dengan bebas ke perkampungan Orang Asli untuk menyebarkan agama mereka di kalangan Orang Asli.

Kekurangan pendakwah yang mampu dan dapat tinggal di perkampungan Orang Asli untuk memberi tunjuk ajar serta menjadi model yang akan diikuti oleh mereka dalam mempelajari dan menghayati

Negeri Pahang, di Kebana Resort Kuantan, pada 2-4 Jun 1994, h. 8.

¹⁰ Wawancara dengan tuan Hj. Mat Saman bin Awang di pejabatnya di Pusat Islam pada 11 Mei 1999, jam 9.00 pagi.

¹¹ Nordin bin Ahmad (1998), "Dakwah Dan Orang Asli Di Semenanjung Malaysia; Kajian Khusus Terhadap Rumpun Temuan Di Selangor", Disertasi Sarjana, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 282.

¹² Unit Ukhluwwah Jais, (1417H.), *Laporan Unit Ukhluwwah*, Selangor: Jabatan Agama Islam Selangor, h. 1.



Islam, adalah disebabkan pelbagai cabaran dan perbezaan yang jauh antara cara berdakwah kepada masyarakat ini berbanding dengan masyarakat lain. Keadaan ini berkait rapat dengan kepercayaan, adat resam dan cara hidup mereka yang mundur serta tempat tinggal yang jauh ke pedalaman di samping tiada kemudahan. Suasana ini menghendaki pendakwah yang akan berada di kalangan Orang Asli memiliki kemahiran, keberanian, kepintaran, ketahanan jiwa serta sahsiah yang terpuji. Hal-hal ini semualah yang menjadikan amat jarang pendakwah yang ingin melakukan dakwah secara serius dan sepenuh masa kerana mereka terpaksa mempelajari adat resam dan kepercayaan Orang Asli, terpaksa tabah dan tahan dengan suasana hidup yang asing kepada mereka, jauh dari kemudahan dan suasana hidup bandar serta hiburan. Dengan itu amat jarang didapati pendakwah yang memberi perhatian untuk mempelajari teknik dan pendekatan dakwah apalagi mempelajari bahasa suku kaum Asli untuk tujuan berdakwah kepada mereka.

Ekoran dari itu lahirlah pendakwah rutin iaitu golongan yang melihat usaha dakwah sebagai usaha mengulangi sesuatu perkara tertentu sahaja. Mereka ini akan menggunakan pendekatan yang sama kepada sasaran yang berbeza dalam erti tidak mengambil kira persekitaran dan sasaran dakwah yang mereka hadapi. Golongan ini sebenarnya telah membunuh keupayaan intelek mereka. Mereka tidak banyak berfikir dan berpendapat bahawa dakwah merupakan sekadar beberapa tindakan yang mudah.¹³

Akibat dari itu maka pendakwah yang melakukan dakwah di kalangan masyarakat Orang Asli kebanyakannya tidak mempunyai kemahiran dan pengalaman sehingga berlakulah beberapa hal yang tidak tepat dengan cara yang dikehendaki oleh Islam. Contohnya pernah terjadi seorang pendakwah dari badan dakwah tertentu pernah memegang seorang kanak-kanak Orang Asli di kampung Penderas, Pahang, kemudian secara paksa menyuruh kanak-kanak tersebut mengucap dua kalimah syahadah. Cara begini tidak disukai oleh penduduk di situ, malah peristiwa itu masih diungkit hingga sekarang meskipun ia telah lama berlalu.¹⁴

¹³ Rozhan Othman (1990), *Pengurusan Dakwah*, c. 1. Shah Alam: Ummah Media Sdn. Bhd, h. 12.

¹⁴ Abdullah Muhammad Zin (1993), “Metodologi Dakwah Kepada Masyarakat Orang Asli”, Kertas Kerja Bengkel Metodologi Dakwah Kepada Orang Asli, anjuran BAHEIS di Strawberry Park Resort, Cameron Highland 3-5 Mei, h. 14-



Hood Salleh seorang ahli antropologi tempatan yang banyak membuat kajian serta berdampingan dengan masyarakat Orang Asli telah menyebut sebab yang menjadi penghalang kepada kejayaan dakwah terhadap Orang Asli.

1. Pendakwah kurang melengkapkan diri dengan maklumat-maklumat asas tentang kerjaya mereka terlebih dahulu. Selalunya mereka tidak tahu hujung pangkal kaedah yang digunakan.
2. Aktiviti berdakwah kepada Orang Asli kurang gigih kerana penggerak aktiviti tersebut rendah motivasi untuk mengenali masyarakat sasaranya.
3. Usaha pendakwah pula tidak disokong oleh aktiviti-aktiviti Komuniti Melayu yang berjiran yang kebanyakannya melakukan perkara-perkara yang anti sosial terhadap komuniti sasaran.
4. Selalunya terdapat pendakwah yang kurang bersedia dari sudut pengurusan sahsiah keperibadian [bad personality management]. Ia sering memanifestasikan imej angkuh, sedangkan imej itu senang diubah. Akibatnya masyarakat Orang Asli sanggup masuk Islam tetapi ditakutkan oleh kerana kemungkinan ‘termasuk Melayu’.¹⁵

Pandangan yang serupa juga dilahirkan oleh Syed Othman al-Habshi dan Zaini Hamzah ketika memperkatakan tentang perkara yang menjadikan dakwah kepada masyarakat bukan Islam kurang atau tidak berjaya adalah disebabkan pendekatan yang digunakan tidak sesuai. Antaranya tidak menggunakan pendekatan secara berperingkat dan mengutamakan yang lebih utama dahulu [*tadarruj*], contohnya terlalu cepat menuntut mereka melakukan segala perkara dituntut Islam atau meminta mereka meninggalkan terus perkara yang dilarang seperti terus berkhatan selepas memeluk Islam bagi lelaki atau terus meninggalkan minuman arak apabila sahaja memeluk Islam.¹⁶

¹⁵ Hood Salleh (1991) “Dakwah Islamiah Dan Pembangunan Masyarakat Orang Asli Di Semenanjung Malaysia”, dalam Ismail Abul Rahman & Mohd Nasir Omar (eds), *Islam Cabaran Dan Isu Semasa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 8.

¹⁶ Syed Othman al-Habshi (1993), “Kepentingan Pengurusan Dalam Dakwah Islamiah Di Malaysia”, Kertas Kerja Seminar Dakwah Dan Kepimpinan 11



Dakwah Kepada Orang Asli Di Malaysia : Permasalahan dan Halangan

Mengikut hasil kajian yang dibuat oleh Nordin bin Ahmad pegawai D.O.A dalam tesis sarjananya mengenai keberkesanan dakwah terhadap masyarakat Orang Asli di Negeri Selangor, jelas menunjukkan bahawa tidak terdapat langsung responden yang berjumlah 140 orang mengatakan bahawa keberkesanan dakwah adalah disebabkan kewibawaan dan personaliti pendakwah, sebaliknya 8.6 peratus daripada mereka mengatakan personaliti pendakwah tidak menyumbangkan ke arah keberkesanan dan kejayaan dakwah.¹⁷

ii) Masyarakat Berjiran

Yang dimaksudkan dengan masyarakat berjiran di sini ialah masyarakat Melayu atau Islam yang berjiran masyarakat atau perkampungan Orang Asli. Sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini bahawa masyarakat Melayu yang berjiran akan menjadi aset atau agen utama yang dapat membantu memudahkan usaha dakwah kepada Orang Asli sekiranya mereka mampu menjadi contoh yang dapat mempamerkan kecantikan Islam. Malangnya setakat ini segala perbincangan dan ulasan tentang keadaan masyarakat Melayu yang berjiran dengan masyarakat Orang Asli lebih banyak memperkatakan tentang perkara yang lebih banyak menonjolkan hal-hal negatif yang tidak menguntungkan masyarakat Islam dan dakwah sebaliknya menyumbangkan kepada tanggapan buruk terhadap Islam sendiri.

Salah angapan Orang Asli masih wujud hingga kini terhadap orang Melayu dari peristiwa lampau dan sedang berlaku yang menghampiri kehidupan mereka. Mereka beranggapan bahawa orang Melayu menjadi model Islam. Jika contoh-contoh yang buruk dipaparkan oleh orang Melayu kepada mereka, maka ia akan menjadi contoh dan imej Islam.¹⁸

Peringkat Kebangsaan, Anjuran Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Kuala Lumpur, h. 8. Lihat juga Zaini Hamzah, (1989) “Berdakwah Kepada Masyarakat Belum Islam Di Malaysia”, Kertas Kerja Seminar Umat Islam Untuk Berdakwah Kepada Masyarakat Belum Islam Di Malaysia, pada 21 ogos 1989 di Pusat Islam Kuala Lumpur, h. 3

¹⁷ Nordin bin Ahmad (1998), *op.cit.*, h. 279.

¹⁸ Tuan Haji Ismail b. Ab.Aziz (1994), “Sumbangan JHEOA Dalam Program Pembangunan Rohaniah/Dakwah Bil Hal Kepada Masyarakat Orang Asli”, Kertas Kerja Muzakarah Penyelarasani Aktiviti Dakwah Kepada Masyarakat Orang Asli Peringkat Negeri Perak, di Pangkor High Villa 19-22 Januari 1994, h. 12.



Banyak imej orang Melayu berjiran yang menjadi penyebab kepada meliarkan atau menjauhkan Orang Asli dari Islam. Antaranya dikatakan banyak memiliki sifat negatif seperti menindas atau mengeksploitasi mereka contohnya memajak atau membeli buah-buahan dari mereka secara hutang dengan janji untuk membayar selepas itu tetapi tidak dibayar, tidak berlaku adil, tidak berakhhlak, memungkiri janji, mengusik anak isteri mereka, mencuri buah-buahan dan tanaman mereka, tidak berpuasa di bulan Ramadhan dan lain-lain lagi. Ada Orang Asli yang mendakwa bahawa mereka menghadapi masalah dengan orang Melayu berjiran apabila mereka menjadi mangsa kecurian yang didakwa dilakukan oleh orang-orang Melayu.¹⁹

Segala tindakan orang Melayu ini dikaitkan dengan Agama Islam. Seolah-olah Agama Islam yang dianuti orang Melayu banyak memberi masalah kepada orang-orang Asli.²⁰

Menurut Cik Nor Hasnah Hamali, seorang pelajar tahun akhir di Jabatan Pengajian Dakwah Fakulti Pengajian Islam, UKM, yang membuat penyelidikan terhadap masyarakat Orang Asli di daerah Temerloh, Orang Asli di kampung Paya Bendur berjumlah lebih kurang tiga puluh keluarga pernah menerima dakwah dari seorang guru bernama ustaz Harun Ja'far. Mereka secara beramai-ramai telah bersetuju dan berjanji untuk memeluk Islam. Tetapi amat malang sekali dua hari selepas pengakuan itu berlakulah kecurian dan kerosakan harta benda mereka yang dipercayai dilakukan pemuda-pemuda Melayu yang tinggal di kampung berhampiran. Tanaman mereka dicuri di samping merosakkan tanaman yang belum masak. Peristiwa ini telah mengubah sama sekali pengakuan untuk memeluk Islam, sebaliknya Tok Batin kampung tersebut berjumpa dengan ustaz Harun Ja'far dan menafikan Islam itu agama yang baik.²¹

¹⁹ Mohd Aris Othman (1993), “Suatu Tinjauan Awalan Mengenai Aspek-Aspek Yang Perlu di Ambil Kira Dalam Berdakwah Di Kalangan Masyarakat Pribumi Di Malaysia”, Kertas Kerja Bengkel Metodologi Dakwah Kepada orang Asli, h. 15. Wawancara dengan Pengarah DOA, *op.cit.* Wawancara dengan Prof. Madya Dato’ Dr. Abdullah Muhammad Zin, *Op Cit.*

²⁰ Majlis Keselamatan Negara JPM (1992), “Pendekatan-Pendekatan ke Arah Mengintegrasikan Masyarakat Orang Asli Dengan Orang Melayu Dari Sudut Politik Dan Keselamatan Negara”, Kertas Kerja yang dibentangkan di I.A.B, Genting Highland, h. 2.

²¹ Abdullah Muhammad Zin (1993) “Metodologi Dakwah Kepada Masyarakat Orang Asli”, Kertas Kerja Bengkel Metodologi Dakwah Kepada Orang Asli,



Orang-orang Melayu yang tinggal berjiran dengan perkampungan Orang Asli juga tidak mengambil perhatian sewajarnya terhadap mereka. Perasaan tolong menolong tidak wujud kerana Orang Melayu memandang hina kepada Orang Asli. Persefahaman dan kerjasama tidak ditunjukkan oleh Orang Melayu dimana sekiranya Orang-orang Asli ditimpas kecemasan atau kesusahan, ianya akan diselesaikan oleh Orang Asli sendiri. Terdapat juga Orang Melayu yang tidak mahu memberi tunjuk ajar dalam soal-soal agama dan aspek-aspek lain kepada mereka.²² Selain dari itu anggapan bahawa Islam hanya untuk Orang Melayu sahaja masih wujud di kalangan mereka. Masuk Islam bagi mereka masuk Melayu dan terpaksa mengubah segala budaya hidupnya kepada budaya Melayu. Keadaan ini menyebabkan mereka tidak berminat untuk memeluk Islam.²³

Oleh kerana Orang Asli mengaitkan Orang Melayu dengan Islam dalam erti Islam adalah Melayu dan Melayu adalah Islam, maka segala peristiwa dan faktor di atas dijadikan dua perkara berkait yang tidak dapat dipisahkan. Dengan itu mereka beranggapan bahawa sekiranya memeluk Islam akan membawa masalah kepada mereka.

HALANGAN DARI LUAR

Yang dimaksudkan dengan halangan dari luar ialah halangan yang bukan lahir dari sebab pendakwah atau sasaran dakwah tetapi ia merupakan gangguan dari luar dalam pelbagai bentuk. Antaranya penyebaran agama atau dia'yah dari agama lain seperti gerakan pengembangan agama Kristian, Bahai dan kini telah ada usaha menyebarkan agama Budha yang dilakukan oleh orang Cina dan India. Gangguan lain ialah bentuk eksloitasi secara halus dengan menjadi orang tengah dalam memasarkan hasil pengeluaran Orang Asli, juga membawa budaya cara hidup yang tidak baik ke dalam masyarakat ini. Penulis akan bahagikan halangan dari luar ini kepada dua iaitu di'ayah agama Kristian dan Bahai dan gangguan dari Orang Cina.

anjuran BAHEIS, JPM pada 3-5 Mei, h. 15-16.

²² Rohima bt Muda (1988), “Peranan JHEOA Dalam Perkembangan Islam Di Kalangan Orang Asli Semenanjung Malaysia”, Latihan Ilmiah, Jabatan Usuluddin Dan Falsafah, Jabatan Usuluddin Dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, h. 86-87.

²³ BAHEIS, (1993), “Kepentingan Berdakwah Kepada Orang Asli”, Kertas Kerja Kursus Asas Penggerak Masyarakat Di Perkampungan Orang Asli, 5-11 Sept. 93, di Wisma Belia Jalan Syed Putra, h. 7.



i) Di'ayah Agama-agama Lain

Usaha untuk mengkristiankan umat Islam di Malaya bermula sejak lima ratus tahun yang lalu sewaktu Malaysia dikenali dengan Tanah Melayu. Usaha ini merupakan sebagai perang yang berterusan dan sambungan kepada gerakan salibiyah oleh negara Barat ke atas umat Islam akibat dari kekalahan yang di alami mereka sepanjang perang salib. Dendam kekalahan tersebut menjadi obor semangat berterusan kepada Kristian untuk mengkristiankan atau sekurang-kurangnya memesongkan umat Islam dari pegangan Islam yang sebenar.

Kemenangan Portugis menakluki Melaka tahun 1511 disambut dengan gembira oleh Portugal sebagai satu kemenangan mengalahkan kuasa Islam di Timur, kerana Melaka di waktu itu merupakan kuasa Islam yang terkuat di sebelah Asia Tengara. Dengan kemenangan itu Melaka bukan sahaja menjadi pusat pentadbiran dan ketenteraan Pertugis di sebelah timur ini, tetapi yang lebih penting ialah ianya menjadi pusat Kristianisasi yang awal di Semenanjung Tanah Melayu ketika itu. Angkatan Portugis yang menakluki Melaka pada tahun 1511 inilah yang memainkan peranan penting membawa masuk agama Kristian di Melaka pada awal abad ke 16 itu. Dalam angkatan perang portugis ini terdapat lapan orang guru agama Kristian Khatolik, antara mereka ialah Father Domingos de Sauza dari kumpulan Dominican dan Father Alvaro Mergulhao serta enam orang padri lain.²⁴

Dari sini maka bermulalah rentetan kedatangan pengembang-pengembang agama Kristian bersama kedatangan penjajah kolonial. Selepas penaklukan Portugis ke atas Melaka tahun 1511 diiringi oleh Belanda yang berjaya mengalahkan Portugis tahun 1641, dan akhirnya British 1786. Bersama-sama mereka dibawa pengembang Kristian menurut mazhab masing-masing. Orang Pertugis membawa mazhab Katholik, Belanda membawa mazhab Protestant [Calvinist] dan Inggeris membawa Anglican. Penubuhan London Missionary Society pada tahun 1795 yang berdasarkan ajaran Bible menjadi pendorong utama kepada penyebaran Kristian di Malaysia. Bermula dari jumlah yang kecil dalam waktu dua abad, LMS berjaya menghantar keluar seramai 7,752 orang

²⁴ Muda @ Ismail Ab.Rahman (1993), “Gerakan Missioneri Kristian Di Malaysia”, Kertas Kerja Kursus Asas Penggerak Masyarakat Di Perkampungan Orang Asli, Anjuran Baheis Di Wisma Belia Jalan Syed Putra, 5-11 Sept. 1993, h. 1-2.



mubalighnya keluar pada tahun 1969, dan angkanya meningkat ke 8,000 pada tahun 1970.²⁵

Berhubung dengan usaha pengkristianan di kalangan orang Asli di Tanah Melayu dapat dikaitkan dengan usaha seorang paderi Khatolik bernama M. Borie dari sebuah badan missionary di Peranchis yang dikenali sebagai Society of the Foreign Mission of Paris pada tahun 1847. Beliau dikatakan telah melakukan usaha penyebaran ajaran Kristian di kalangan Orang Mantra [suku Temuan] yang terdapat di sekitar bandar Melaka. Dari sini kemudian kumpulan ini berpecah dan berhijrah hingga ke kawasan Labu, Lukut Negeri Sembilan.

Hampir seratus tahun kemudiannya barulah mazhab-mazhab lain seperti Protestan, terutama sekali dari Methodist Home Missionary Society turut memulakan kegiatan mereka. Mereka bergerak di kalangan Orang Asli suku Semai di daerah Gopeng, Kampar, Tapah dan Teluk Intan di Negeri Perak. Menjelang tahun 1930-an usaha diteruskan oleh pasangan suami isteri Reverend Dr. Paul dan Mrs. Nathalie Means dengan bantuan seorang misionari Batak dari Indonesia didalam usaha mengembang dan memajukan agama Kristian di kawasan tersebut. Pekan Kampar digunakan sebagai pusat kegiatan pendidikan gereja untuk melatih bakal pastor hingga sekarang. Menurut rekod antara 1961-1970 sejumlah 275 Orang Asli, pemuda dan kanak-kanak telah mendapat pendidikan formal di Kampar menerusi pendidikan gereja. Menjelang 1966 terdapat kira-kira 950 Orang Asli berjaya di baptiskan [dikristiankan], dan menjelang tahun 1970 jumlahnya meningkat kepada 2940 orang yang menduduki beberapa kawasan 15 perkampungan sekitar Gopeng dan Tapah. Pada tahun 1978 jumlah pekerja gereja seramai 43 orang [3 separuh masa, 5 sepenuh masa dan 35 sukarela]. Hasil dari usaha gigih mereka ini telah mewujudkan 54 perkampungan Orang Asli yang terletak sepanjang Ulu Kinta [Utara Ipoh] hingga ke Slim River [Selatan Ipoh]. Pada tahun 1991, gereja Orang Asli telah dianugerahi sebagai badan rasmi yang mempunyai status otonomi dari gereja pusat dengan nama Sengoi Mission Conference. Pada masa ini terdapat 12 pastor di kalangan anak Semai yang bekerja sepenuh masa mengawas serta mengurus sejumlah 4,500 penduduk agama Kristian mazhab Methodist di seluruh Negeri Perak.²⁶

²⁵ Ghazali Basri, (1994), *Kristianisasi Sebagai Sebuah Gerakan: Satu Tinjauan Sosiologi*, Petaling Jaya: Budaya Ilmu Sdn Bhd, h. 2.

²⁶ *Ibid.*, h. 68-69.



Menurut Hassan Mat Nor, sehingga tahun 1990 gereja Methodist di Kampar memperakarkan bahawa terdapat sejumlah 5,026 Orang Asli di dibaptiskan dan menganut Kristian mazhab Methodist. Dijangkakan juga bahawa terdapat penganut mazhab Katholik seramai 2,000 orang dan sekitar 1,000 orang telah memilih agama Kristian dari lain-lain mazhab. Kenyataan beliau ini menunjukkan bahawa jumlah penganutan Kristian di kalangan Orang Asli di seluruh semenanjung Malaysia pada tahun 1990 adalah melebihi 8,000 orang.²⁷

Hassan Mat Nor juga mengatakan bahawa Mubaligh Kristian dari mazhab Methodist memulakan kegiatannya kepada masyarakat Orang Asli selepas tahun 1930. Peluang mereka bertapak dalam masyarakat Orang Asli bermula apabila Dr. Paul Means dan isterinya Nathalie Means diundang melawat masyarakat Orang Asli di Kuantan Pahang. Dalam lawatan ini beliau berkesempatan melawat Orang Asli di sekitar jalan Pahang dari Tapah ke Cameron Highlands. Hasil tinjauan tersebut, beliau berpendapat bahawa ajaran Kristian boleh disebarluaskan melalui ketua kumpulan masyarakat Orang Asli.²⁸

Antara yang terkenal juga dalam usaha penyebaran Kristian di kalangan Orang Asli ialah Alexandar Simanjuntak dari keturunan Batak Toba, Sumatera yang di hantar untuk membantu Dr. Paul Means. Beliau telah tinggal dan bergerak di perkampungan Orang Asli batu 16 jalan Cameron Highlands. Beliau dibayar gaji oleh Badan Methodist sebanyak RM 250.00 sebulan. Beliau telah mendapat bantuan penghulu Orang Asli di sana yang bernama Bah Dikit untuk membina kediamannya dan sebuah bangunan yang digunakan sebagai sekolah.²⁹

Simanjutak digantikan oleh seorang Batak Luther bernama Napitupula yang telah berkahwin dengan seorang wanita Orang Asli dan berjaya menarik enam Orang Asli memeluk Kristian. Beliau telah memperkenalkan sekolah untuk kanak-kanak Orang Asli dan menerbitkan tiga buah buku yang berhubung dengan agama Kristian dalam bahasa

²⁷ Hassan Mat Nor (t.t.) “Masyarakat Orang Asli Dan Agama Kristian: Satu Kajian Terhadap Sejarah Perkembangan Agama Kristian Dan Kesannya Kepada Kehidupan Masyarakat Semai Di Perak”, (Kertas Kajian Yang Tidak disebarluaskan), t.t.p.: t.p., h. 18.

²⁸ *Ibid.*, h. 20.

²⁹ *Ibid.*, h. 21-26.



Semai.³⁰ Beliau dikatakan telah berjaya membaptiskan tidak kurang dari seribu Orang Asli.³¹

Seorang lagi yang mempunyai peranan dalam penyebaran Kristian di kalangan Orang Asli terutamanya suku Semai ialah Bah Rahah bin Hasan. Beliau berketurunan Semai dan terkenal di kalangan Orang Asli. Beliau terpengaruh dengan Kristian apabila seorang paderi berbangsa Cina iaitu John, menawarkan kepadanya bantuan sekolah. Father John telah menubuhkan sekolah Methodist di Kampar. Bah Rahah adalah salah seorang penuntut yang tinggal di asrama sekolah itu. Beliau kemudian belajar di Bible College di Jalan Gasing, Kuala Lumpur. Seterusnya John telah menghantarnya ke Serawak dan Jepun untuk memperdalam agama Kristian. Bah Rahah menganut agama Kristian aliran Katholik.³²

Dari susur galur sejarah yang ringkas itu, ternyata gerakan di'ayah Kristian menjadi saingen hebat kepada perkembangan dakwah di kalangan masyarakat Orang Asli. Pendi'ayah-pendi'ayah sanggup datang dan mengharungi kesusahan untuk melakukan tugas mengkristiankan Orang Asli meskipun mereka terpaksa menghadapi berbagai risiko serta tinggal dalam hutan belantara dan di pedalaman. Bahkan mereka sanggup untuk berkahwin dengan wanita Asli dengan tujuan menyampaikan agama mereka contohnya seorang berbangsa Belanda telah berkahwin dengan wanita Asli Jakun dan tinggal di sebuah kampung pedalaman berhampiran dengan Tasik Chini, Pahang.³³

Kesungguhan pengembang Kristian ini dapat dilihat dengan jelas dari pertumbuhan gereja di seluruh perkampungan Orang Asli di Semenanjung. Pada tahun 1986 hanya terdapat 8 buah gereja sahaja sebagaimana berikut:

- | | |
|--------------------|--------------|
| 1. Kampung Pos Woh | Tapah Perak |
| 2. Ulu Geruntum | Kinta/Gopeng |
| 3. Padang Punggor | Teluk Intan |

³⁰ Carey, Iskandar (1970), “The Religious Problem Among The Orang Asli”, *“Journal Of The Malaysian Branch Of The Royal Asiatic Society”*, Jil. 3. Singapura, h. 43.

³¹ Nordin bin Ahmad (1998), *op.cit.*, h. 305.

³² Rohima bt Muda (1988), *op.cit.*, h. 96-97.

³³ Abdullah Muhammad Zin (1993), *op.cit.*, h. 18-19.



- | | |
|------------------|-----------------------------------|
| 4. Kg. Suak Padi | Bota |
| 5. Kg. Ulu Bil | Tanjung Malim |
| 6. Kg. Sahom | Slim River |
| 7. Kg. Tekir | Seremban |
| 8. Kg. Ulu Satak | Kuala Lipis Pahang. ³⁴ |

Kemudian terdapat beberapa pertambahan lagi sebagaimana berikut:

- | | |
|-------------------------|---------------------------------------|
| 9. Kg. Belihoi | Mantin Negeri Sembilan. ³⁵ |
| 10. Kg. Berhala Gantang | Negeri Selangor. ³⁶ |
| 11. Bukit Rok | Daerah Bera, Pahang |
| 12. Pos Sinderut | Kuala Lipis, Pahang |
| 13. Kg. Soi | Kuantan, Pahang. ³⁷ |

Mengikut kenyataan JHEOA pula, kini terdapat lebih kurang 50 buah gereja telah didirikan di perkampungan Orang Asli di seluruh semenanjung dan sebahagian besarnya di Negeri Perak.³⁸

Bagi Negeri Selangor pula, mengikut maklumat yang diperolehi dari JHEO, terdapat seramai 267 Orang Asli di negeri ini telah menganut agama Kristian. Jumlah ini bersamaan 4.8% dari jumlah keseluruhan Orang Asli Kristian. Kebanyakan mereka berada di daerah Gombak dan Hulu Langat. Dari segi pengenalannya, dianggarkan kira-kira 10% hingga 15% dari mereka mengikuti upacara-upacara keagamaan yang diadakan di gereja. Walaupun bilangan tersebut tidak ramai, namun keadaan tersebut perlu diawasi memandangkan usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak Kristian jauh lebih dedikasi berbanding dengan dakwah Islam. Malahan, akhir-akhir ini dilaporkan bahawa gerakan di'ayah Kristian semakin tertumpu di Negeri Selangor kerana terdapat mubaligh-mubaligh Kristian masuk ke perkampungan Orang Asli setiap minggu bagi mempengaruhi

³⁴ Rohima bt. Muda (1988), *op.cit.*, h. 94.

³⁵ Hj. Shahidan bin Hj. Abdullah (1998), *op.cit.*

³⁶ Anwar Hamzah b. Hj.Taha, *op.cit..*

³⁷ Urusetia JKKN Pahang (1994), *Gerakan Kristianisasi Kepada Masyarakat Orang Asli, Kesannya Kepada Keselamatan Negara Dan Politik*, t.tp: t.p., h. 10.

³⁸ JHEOA, (1993) “Senario Aktiviti Rohaniah (Dakwah Islamiah) Kepada Masyarakat Orang Asli”, Kertas kerja Bengkel Metodologi Dakwah Kepada Orang Asli, 3-5 Mei di Strawberry Park Resort, Cameron Highland, anjuran BAHEIS, JHEOA Kuala Lumpur, h. 7.



mereka memeluk Kristian. Di samping itu, terdapat beberapa buah gereja di Petaling Jaya dijadikan markas bagi kegiatan penyebaran agama Kristian khusus untuk Orang Asli yang menganut Kristian di sekitar Negeri Selangor.³⁹

Kenyataan dan perangkaan yang diberikan itu sudah tentu menunjukkan suatu peningkatan dan sambutan serta kejayaan yang memberangsangkan bagi pihak Kristian, sebaliknya pula sesuatu yang membimbangkan bagi pihak negara dari sudut kesetabilan politik dan keselamatan serta integrasi yang hendak dicapai.

Banyak teknik yang digunakan oleh mereka untuk memikat Orang Asli menganut agama mereka terutamanya dengan mengambil peluang dari suasana hidup Orang Asli yang kebanyakan dalam paras kemiskinan, dengan menyogok berbagai bantuan dan kemudahan material. Mereka menggunakan teknik secara langsung dan tidak langsung. Secara langsung ialah dengan menghantar pendi'ayah-pendi'ayah Kristian ke perkampungan Orang Asli untuk menyampaikan ceramah-ceramah dan ajaran Kristian. Sesi ceramah ini diatur dengan rapi, memilih masa sesuai, disampaikan dalam bahasa suku Orang Asli setempat dan meletakkan tema yang selari dengan tabiat kegemaran Orang Asli. Ceramah ini diselitkan dengan acara-acara keramaian dan makan minum yang sememangnya digemari oleh Orang Asli. Mendirikan tempat-tempat ibadat Kristian di perkampungan yang tidak ramai masyarakat Orang Asli terpengaruh dengan dakwah. Menyediakan pengangkutan khas setiap hari Ahad untuk membolehkan Orang Asli mengadakan upacara sembahyang di gereja-gereja tertentu di pekan-pekan besar seperti di Kuantan dengan memberikan imbuhan seolah-olah elauh harian. Menggunakan orang-orang tertentu di kalangan masyarakat Orang Asli yang telah memeluk agama Kristian untuk mengembangkan pengaruhnya di kalangan Orang Asli dengan menjadikan orang tersebut sebagai model kejayaan penganut agama Kristian.

Secara tidak langsung pula ialah dengan memberikan bantuan fizikal dimana pendiamah Kristian memasuki penempatan Orang Asli untuk tempoh yang panjang. Mereka berusaha mengenali dan memenangi hati Orang Asli dengan menghulurkan berbagai bentuk bantuan tenaga

³⁹ Nordin bin Ahmad (1998), *op.cit.*, h. 307-308.



kemahiran serta keperluan harian juga membina kelas-kelas untuk pendidikan anak-anak Orang Asli serta memberi segala kemudahan pembelajaran secara percuma. Pend'i'ayah ini juga bersedia mengahwini anak-anak To' Batin demi mendapatkan keyakinan Orang Asli dan memudahkan mereka bergerak. Cara lain yang digunakan ialah dengan menyebut kebaikan Kristian serta menonjolkan kemajuan di peringkat antarabangsa khususnya di dunia Barat yang hampir keseluruhannya menganut agama Kristian sebagai model kemajuan. Keadaan ini menanamkan satu pemikiran bahawa masyarakat yang ingin maju hendaklah memeluk Kristian dan menganggap agama lain ketinggalan zaman serta penghalang kemajuan. Selain dari itu mereka juga mengapai-apikan Orang Asli Islam bahawa tidak ada keistimewaan yang diperolehi oleh Orang Asli yang memeluk Islam berbanding yang tidak memeluk Islam dari berbagai sudut. Di samping memomokkan bahawa banyak amalan yang perlu dilakukan serta banyak larangan yang perlu dipatuhi jika memeluk Islam.

Selain di'ayah agama Kristian, agama Bahai juga menjadi saingan dan menjalankan usahanya di kalangan Orang Asli. Mengikut data yang dikeluarkan oleh JHEOA tahun 1997 terdapat seramai 1,519 orang Asli telah menganut ajaran Bahai di dua buah negeri di Semenanjung iaitu Perak dan Pahang dan tidak terdapat di negeri lain. Di Perak terdapat seramai 1,229 Orang Asli menganut agama Bahai dan di Pahang seramai 290 orang.⁴⁰ Walaupun bilangan ini dianggap sedikit tetapi menjadi masalah kepada pendakwah Islam sebagaimana Kristian juga. Pada tahun 70 an pengembang agama ini bergerak di seluruh masyarakat Orang Asli dan hampir menguasai masyarakat Orang Asli di Perak. Pusat kegiatannya tidak dapat dipastikan. Di Perak dipercayai bahawa pergerakan ini berlaku di sekitar perkampungan Pos Perwar, Kg. Cang Bidor, Kg. Menderang Sungkai dan Pos Piah di kawasan Lasah Ulu Perak dan Jalan Pahang.

Agama Bahai berkembang dalam masyarakat Orang Asli kerana terdapatnya pengembang agama ini di kalangan orang Asli sendiri. Salah seorang penganut dan pengembang agama ini dari Orang Asli ialah Bah Derauf dari suku Semai. Beliau pernah menghadiri konvensyen

⁴⁰ JHEOA (1997), *Data Anutan Bagi Orang Asli Mengikut Negeri Seluruh Semenanjong Malaysia Hingga 31 Mei 1997*. Bahagian Penyelidikan Dan Penerangan, 23 Julai 1997.



dunia mengenai Bahai di London pada tahun 1968. Beliau juga pernah mengunjungi Haifa di Israel iaitu tempat terdapat ramai penganut Bahai.⁴¹

Agama ini berkembang dan mendapat sambutan Orang Asli kerana membawa ajaran yang mendakwa bahawa Bahai adalah agama asal bagi mereka yang hidup bebas dalam hutan dan tidak ada halangan dari segi hukum. Mereka yang menganut agama ini tidak diberat dengan satu-satu hukum kerana ianya agama mudah. Pengembang agama ini mengatakan sesiapa yang menganut Bahai akan mendapat rahmat dari Bahai dalam bentuk material. Jika penganut Bahai menderma RM1 dalam masa tiga hingga empat bulan, duit itu akan bertambah menjadi RM10. Semua ini menarik dan mempengaruhi Orang Asli terutamanya yang mempercayai animisme.

Walau bagaimanapun kini ajaran Bahai tidaklah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan sebab usaha-usaha da'wah Islam yang semakin pesat di samping di'ayah Kristian, namun ianya masih tetap merupakan salah satu masalah kepada dakwah Islam.

ii) Gangguan dari Peniaga Cina dan Mereka yang Tidak Bertanggungjawab

Selain masalah penyebaran agama Kristian dan Bahai, terdapat juga di sana gangguan luar iaitu gangguan dari peniaga atau orang-orang Cina yang pada permulaannya masuk ke perkampungan Orang Asli untuk mendapatkan bahan-bahan hutan seperti buah-buahan, rotan, kayu Gaharu dan lain-lain untuk jualan. Bahan-bahan tersebut dibeli secara tunai dari Orang Asli yang menyebabkan mereka disukai oleh Orang Asli. Peluang ini telah diambil oleh peniaga tersebut untuk menjadi orang tengah dalam memasarkan pengeluaran atau hasil usaha Orang Asli. Di samping itu orang Cina pada zahirnya menunjukkan seolah-seolah mereka begitu prihatin dengan keadaan kesusahan Orang Asli dengan cara memberi hutang kepada sesetengah Orang Asli yang berada dalam kesempitan tanpa perlu membuat apa-apa perjanjian bertulis. Namun di sebalik keprihatinan yang ditunjukkan itu sebenarnya terselit bentuk eksplorasi secara tak disedari kerana mereka terikat dengan syarat iaitu hasil pekerjaan mereka hendaklah dijual kepada si piutang tersebut. Keadaan ini telah menjerat dan mengikat orang Asli untuk terus menjual hasil-hasil mereka kepada

⁴¹ Rohima bt. Muda (1988), *op.cit.*, h. 98-99.



tauke-tauke tersebut dengan harga terlalu rendah dan merugikan Orang Asli. Lebih malang lagi apabila kebanyakan Orang Asli yang berhutang dengan peniaga Cina ini tidak mengetahui atau tidak tahu mengira berapa banyak hutang mereka dan bila akan habis dibayar.

Oleh kerana mereka melihat orang tengah ini seolah-olah membantu mereka dengan memberi hutang dan membeli hasil mahsul mereka dan tidak mengambil barang mereka dengan begitu sahaja sebagaimana perbuatan sesetengah orang Melayu atau di kalangan masyarakat Melayu yang berjiran dengan mereka, maka orang Cina dianggap “*Big Boss*” yang patut dicontohi oleh mereka. Selain itu orang-orang Cina ini telah membawa budaya negatif ke dalam masyarakat Orang Asli iaitu budaya arak, berjudi dan bersekedudukan atau hubungan luar nikah yang dilakukan oleh peniaga Cina dan pemandu-pemandu lori balak keturunan Cina.⁴²

Oleh kerana adanya pengaruh memandang tinggi dan hormat kepada orang Cina, maka kini wujud semacam satu kegemaran di kalangan masyarakat Orang Asli untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah Cina. Tambahan pula mereka mendapat bantuan dari pihak sekolah tersebut. Selain dari itu terdapat juga di kalangan orang tengah yang mendapat kepercayaan Orang Asli ini mengambil peluang menghasut mereka agar tidak menerima agama Islam. Bahkan kini terdapat di kalangan orang Cina termasuk juga India yang menyebarkan agama Kristian sehingga ada Orang Asli yang menganut Kristian tetapi dengan personaliti Cina dan India. Ada yang memakai nama Cina dan India.⁴³ Terdapat juga di kalangan mereka yang menyebarkan agama Buddha.⁴⁴

Terdapat juga di kalangan Orang Asli sendiri yang menjadi dalang kepada gerakan anti Islam. Kebiasaannya, mereka terdiri daripada orang yang berpengaruh dalam masyarakat Orang Asli dan mempunyai latarbelakang pengajian atau memegang jawatan tertentu dalam kerajaan atau swasta. Mereka jarang berada di kampung kerana bertugas di bandar

⁴² Dato' Dr. Abdullah Muhammad Zin, *op.cit.*, dan Ustaz Hj. Shahidan bin Hj. Abdullah, *op.cit..*

⁴³ Bahagian Geraksaraf Dan Perangsaraf MKN (1991), “Pendekatan-Pendekatan Ke Arah Mengintegrasikan Masyarakat Orang Asli Dengan Orang-Orang Melayu Dari Sudut dan Keselamatan Negara”, Kertas Kerja Bengkel Ketua-Ketua Masyarakat Melayu Berjiran Dengan Kampung Orang Asli, h. 8.

⁴⁴ Dato' Dr. Abdullah Muhammad Zin, *op.cit..*



dan kembali ke kampung pada masa tertentu sahaja. Lazimnya mereka menyertai pertubuhan bukan kerajaan yang sentiasa mengkritik aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh agensi kerajaan terhadap masyarakat Orang Asli. Oleh kerana taraf hidup mereka lebih baik berbanding Orang Asli lain, maka apa jua pandangan mereka semuanya dianggap baik dan benar. Golongan itu menghasut masyarakat Orang Asli agar tidak menerima Islam kerana mereka bimbang akan kehilangan pengaruh dan dianggap mencabar kewibawaan mereka. Seringkali alasan yang mereka gunakan untuk menakut-nakutkan masyarakat kampung dari menerima Islam ialah isu berkhatan, dosa, neraka serta pantang larang dan larangan dalam Islam.⁴⁵

Semua keadaan yang dinyatakan di atas dibimbangi menambahkan lagi jurang yang sedia wujud antara masyarakat Melayu dan Asli, malah boleh menggagalkan matlamat kerajaan khususnya JHEOA untuk mengintegrasikan antara masyarakat Orang Asli dengan masyarakat Melayu.

iii) Halangan dari Masyarakat Dakwah (Sasaran Sendiri)

Terdapat banyak perkara yang melingkari kehidupan sasaran dakwah sendiri menjadi antara sebab yang menghalang dan melambatkan proses dakwah kepada mereka. Antaranya kepercayaan dan adat resam yang diwarisi, cara hidup atau persekitaran kehidupan mereka, sikap mereka terhadap pendakwah serta salah tanggapan atau penerimaan kepada pengajaran Islam yang di bawa.

Orang Asli amat berpegang teguh dengan kepercayaan dan adat resam yang diwarisi turun temurun dan bukan mudah untuk mereka menerima sesuatu yang berlainan atau berlawanan dari pegangan asal mereka. Kepercayaan anismisme yang diwarisi begitu menebal dalam jiwa mereka dan sukar untuk dihakis kerana telah sebat dengan jiwa mereka terutamanya di kalangan generasi tua. Kepercayaan yang berkait dengan kuasa ghaib dan semangat masih lagi menebal di kalangan Orang Asli, keadaan ini jelas dapat diperhatikan dari penganutan agama yang dikeluarkan oleh JHEO bertarikh 23Julai 1997 menunjukkan sebanyak 76.99% dari keseluruhan Orang Asli di semenanjung masih menganut faham animisme. Keadaan ini menjelaskan betapa sukarnya untuk mengubah kepercayaan lama meskipun usaha dakwah telah berjalan

⁴⁵ Nordin bin Ahmad (1998), *op.cit.*, h. 309.



sekitar 30 tahun dan dilakukan oleh berbagai agensi kerajaan serta institusi dakwah dengan peruntukan yang banyak serta berbagai kemudahan hidup.

Dalam kajian yang dibuat oleh Nordin bin Ahmad terhadap dakwah kepada rumpun Temuan di Negeri Selangor, antara soalan yang diajukan ialah yang berkait dengan faktor penghalang. Antara faktor penghalang yang disebut oleh beliau ialah adat, pantang larang dan kepercayaan, adalah menjadi masalah kepada mereka untuk memeluk Islam. Daripada 140 responden yang menjawab soal selidik 102 orang darinya iaitu (72.9%) menyetujui bahawa faktor di atas menjadi penghalang kepada mereka memeluk Islam. Hanya 25 orang sahaja (17. 9%) yang tidak bersetuju, manakala selebihnya seramai 13 orang atau 9.3% menjawab dengan tidak pasti.

Faktor lain ialah yang berkait dengan tradisi kehidupan mereka serta keadaan alam sekitar tempat tinggal mereka. Mereka banyak bergantung kepada hutan sebagai sumber mendapatkan rezeki serta tempat tinggal. Bahan dari hutan seperti buah-buahan, binatang-binatang seperti babi, kera, lotong tupai merupakan makanan mereka yang dihasilkan dari hutan. Sekiranya mereka memeluk Islam, maka makanan kegemaran mereka itu terpaksa ditinggalkan kerana menjadi larangan dalam Islam memakan binatang tersebut. Keadaan ini menjadikan mereka terpaksa mencari makanan lain sebagai ganti sekiranya menjadi Orang Islam. Ini tentu menyukarkan mereka kerana sudah biasa dengan makanan tersebut serta mudah mendapatkannya dari hutan. Larangan ini menyebabkan segolongan dari mereka menganggap Islam sebagai agama yang menyekat dan mengongkong kebebasan mereka serta sukar untuk diamalkan.⁴⁶ Kajian yang dibuat oleh JHEO membenarkan kenyataan tersebut kerana dari 1163 orang responden yang ditemui bual di 7 buah negeri di Semenanjung mengenai dalam Islam banyak larangan makanan haram, didapati 817 (69. 9%) bersetuju, 186 orang (15.9%) tidak pasti, dan hanya 165 orang (14.1%) yang tidak bersetuju.⁴⁷ Kajian yang dibuat oleh Nordin Ahmad terhadap masyarakat Temuan di Selangor memberikan hasil yang

⁴⁶ Rohima bt. Muda (1988), *op.cit.*, h. 90; Nordin bin Ahmad (1998), *op.cit.*, h. 289-290.

⁴⁷ JHEOA, (1994), *Kajian Tanggapan Masyarakat Orang Asli Terhadap Agama Islam*, t.t.p: t.p., h. 17.



sama iaitu 60.7% responden yang diselidiknya bersetuju bahawa banyak makanan yang dilarang oleh Islam menjadi salah satu faktor utama yang menghalang mereka memeluk Islam.⁴⁸

Antara faktor penghalang yang lahir dari perkara yang berkaitan dengan sasaran dakwah sendiri ialah tanggapan mereka terhadap orang Melayu yang negatif sebagaimana yang telah dibincangkan dalam membicarakan masyarakat Melayu berjiran diatas.⁴⁹

Masalah lain ialah kemiskinan yang melingkari kehidupan mereka. Pada umumnya masyarakat Orang Asli tergolong dalam masyarakat termiskin. Mengikut kajian yang di buat oleh unit Penyelarasaran Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (UPPJPM) pada tahun 1994 terdapat 88.6% Keluarga Orang Asli meliputi 15,443 keluarga, tergolong sebagai golongan miskin. Daripada jumlah tersebut 58.6% keluarga Orang Asli meliputi 10,209 keluarga adalah termiskin. Jumlah yang dinyatakan ini berdasarkan pendapatan kemiskinan (PKG) yang lama iaitu RM 350.00 sebulan. Tetapi sekiranya pengiraan kemiskinan ini didasarkan kepada PKG yang terkini iaitu sebanyak RM 405.00 diguna pakai dalam menentukan kedudukan sosio-ekonomi Orang Asli sudah tentu bilangan Orang Asli yang miskin dan termiskin bertambah.⁵⁰ Keadaan kemiskinan ini disebabkan cara menghasilkan pendapatan mereka sekadar untuk cukup makan dan bergantung kepada cara tradisional. Kemiskinan hidup ini memaksa mereka berkerja keras untuk menyara kehidupan. Cara menghasilkan pendapatan dengan memburu, mencari hasil hutan seperti rotan, kayu gaharu serta bertani, menyebabkan mereka jarang berada di rumah dan tidak mempunyai banyak masa serta ruang untuk menghadiri program-program yang dianjurkan oleh mana-mana institusi dakwah. Keadaan tersebut menyebabkan mesej dakwah sukar untuk disampaikan. Dengan sebab itu maka semua program yang dianjurkan oleh mana-mana

⁴⁸ Nordin bin Ahmad (1998), *op.cit.*, h. 291.

⁴⁹ Lihat tanggapan yang dibuat dalam JHEOA (t.t.), “Membasmi Salah Tanggapan Masyarakat Orang Asli Terhadap Masyarakat Orang Melayu”, Kertas Kerja Bengkel Ketua-Ketua Masyarakat Melayu Berjiran Dengan Kampung Orang Asli, BAHEIS, h. 4-6.

⁵⁰ Unit Penyelarasaran Pelaksanaan (1994), “Daftar Dan Profail Orang Asli”, Kertas Kerja Bengkel Penyediaan Pakej Khas PPRT Masyarakat Orang Asli Ke Arah Integrasi Dan Perpaduan, anjuran bersama KPNPM, UPP dan JHEOA, 27-30 April 1994, Hotel Strawberry Park,Cameron Highland, h. 28.



badan dakwah di perkampungan Orang Asli memakan belanja yang besar kerana mereka terpaksa menyediakan segala makan minum untuk semua anggota masyarakat Orang Asli di tempat program tersebut diadakan agar mereka dapat hadir, bahkan kadang-kadang terpaksa diberi sagu hati dan pelbagai sumbangan sebagai ganti kepada masa mereka untuk mencari rezeki dihabiskan kepada program yang dianjurkan. Apabila program berakhir dan pengajur kembali maka sebahagian besar mereka akan kembali kepada kehidupan asal yang menyebabkan mereka melupai serta tidak melaksanakan apa yang disampaikan dalam masa program.

Kemiskinan juga menyebabkan mereka mengasingkan diri dan tidak ingin mendekati orang lain atau pendakwah yang datang kerana merasa hina dan rendah diri.⁵¹ Orang Asli juga kebanyakannya buta huruf dan masih rendah taraf pemikiran mereka kerana tidak mendapat pendidikan yang formal terutamanya generasi tua. Dengan itu berdakwah kepada mereka tidak semudah berdakwah kepada kaum-kaum lain yang tahap pemikiran mereka tinggi. Orang Asli sukar menerima penerangan yang banyak dan tinggi penyampaiannya, kerana mereka tidak mampu mengingati banyak perkara dalam satu masa. Oleh itu pendakwah perlulah mengadakan lawatan susulan sekerap mungkin dan menyentuh tajuk pengajaran yang sama berulangkali walaupun kadang-kadang menjemuhan. Oleh itu pengajaran yang sedikit bagi satu-satu pertemuan adalah sebaik-baik cara, walaupun memakan masa yang panjang untuk mendatangkan hasil.⁵²

KESIMPULAN

Dari perbincangan yang lalu dapat disimpulkan bahawa usaha dakwah kepada masyarakat Orang Asli adalah lebih sukar berbanding dakwah kepada masyarakat atau kaum lain. Kesukaran ini berkait rapat dengan pelbagai situasi yang melingkungi kehidupan mereka. Cara hidup mereka yang jauh terkebelakang dalam pelbagai lapangan serta ditambah lagi dengan keadaan mereka yang berada di kawasan pedalaman yang sukar

⁵¹ BAHEIS (1993), “Cabarani Pembangunan Insaniyah Dalam Masyarakat Orang Asli Dan Penyelesaiannya”, Kertas Kerja Kursus Penggerak Masyarakat Siri Ke 2, Disember 1993, h. 8.

⁵² Zakuan Sawai (1997), “Dakwah Islamiah Kepada Orang Asli; Kajian Khusus Mengenai Transformasi Minda Masyarakat Semai Selepas Memeluk Islam”, Disertasi Sarjana, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h. 84.



Dakwah Kepada Orang Asli Di Malaysia : Permasalahan dan Halangan

untuk didatangi. Keterbelakangan mereka dari sudut ekonomi, pemikiran, pembelajaran budaya hidup dan lain-lain menjadikan mereka jauh ketinggalan dari arus perdana. Sudah banyak usaha dilakukan oleh kerajaan serta peruntukan perbelanjaan yang di habiskan untuk meningkatkan taraf kehidupan mereka serta mengintegrasikan mereka ke dalam masyarakat nasional, namun sehingga kini usaha tersebut belum berjaya sepenuhnya.

Usaha yang banyak telah dilakukan oleh kerajaan serta pelbagai agensi dan institusi untuk mengislamkan mereka sejak hampir empat puluh tahun, namun sehingga kini peratusan penganutan Islam masih kecil di mana majoriti masyarakat Orang Asli masih menganut faham animisme. Keadaan ini adalah disebabkan terdapatnya permasalahan dan halangan yang menjadikan usaha dakwah kurang mendapat sambutan dan kurang berkesan di kalangan masyarakat Orang Asli. Permasalahan tersebut boleh dibahagikan kepada dalaman dan luaran. Masalah dan halangan dalaman adalah berkait dengan pendakwah, institusi dakwah serta masyarakat sasaran sendiri. Manakala masalah dan halangan luaran adalah berkait dengan usaha dari pengembang agama lain menyebarkan ajaran mereka dalam masyarakat ini seperti Kristian, Qadiani Bahai dan lain-lain. Di samping itu ada pihak yang tidak bertanggungjawab yang membawa perkara yang tidak baik ke dalam masyarakat ini dengan tujuan untuk mengeksplorasi Orang Asli demi kepentingan tertentu seperti mengaut keuntungan dalam perniagaan.

RUJUKAN

‘Ulwan, `Abd Allah Nasih (1985), *Hadhihi al-Da`wah..ma Tabi`atuha*, Beirut: Dar al-Salam.

Abdullah Muhammad Zin (1993) “Metodologi Dakwah Kepada Masyarakat Orang Asli”, Kertas Kerja Bengkel Metodologi Dakwah Kepada Orang Asli, anjuran BAHEIS, JPM pada 3-5 Mei.

Abdullah Muhammad Zin (1993), “Metodologi Dakwah Kepada Masyarakat Orang Asli”, Kertas Kerja Bengkel Metodologi Dakwah Kepada Orang Asli, anjuran BAHEIS di Strawberry Park Resort, Cameron Highland 3-5 Mei.

Bahagian Geraksaraf Dan Perangsaraf MKN (1991), “Pendekatan-



Jurnal Usuluddin

Pendekatan Ke Arah Mengintegrasikan Masyarakat Orang Asli Dengan Orang-Orang Melayu Dari Sudut dan Keselamatan Negara”, Kertas Kerja Bengkel Ketua-Ketua Masyarakat Melayu Berjiran Dengan Kampung Orang Asli.

BAHEIS (1993), “Cabaran Pembangunan Insaniyah Dalam Masyarakat Orang Asli Dan Penyelesaiannya”, Kertas Kerja Kursus Penggerak Masyarakat Siri Ke 2, Disember 1993.

BAHEIS, (1993), “Kepentingan Berdakwah Kepada Orang Asli”, Kertas Kerja Kursus Asas Penggerak Masyarakat Di Perkampungan Orang Asli, 5-11 Sept. 93, di Wisma Belia Jalan Syed Putra.

Al-Bahi al-Khwali, *Tadhkirat al-Du`ah* (1979), Kuwait: Maktabah al-Falah.

Carey, Iskandar (1970), “The Religious Problem Among The Orang Asli”, *“Journal Of The Malaysian Branch Of The Royal Asiatic Society”*, Jil. 3. Singapura.

D.O.A. (1994), “Cabaran Pembinaan Insaniyah Masyarakat Orang Asli”, Kertas kerja Muzakarah Penyelarasan Aktiviti Dakwah Di Kalangan Orang Asli Peringkat Negeri Pahang, di Kebana Resort Kuantan, pada 2-4 Jun 1994.

Ghazali Basri, (1994), *Kristianisasi Sebagai Sebuah Gerakan: Satu Tinjauan Sosiologi*, Petaling Jaya: Budaya Ilmu Sdn Bhd..

Hassan Mat Nor (t.t.) “Masyarakat Orang Asli Dan Agama Kristian: Satu Kajian Terhadap Sejarah Perkembangan Agama Kristian Dan Kesannya Kepada Kehidupan Masyarakat Semai Di Perak”, (Kertas Kajian Yang Tidak disebarluaskan), t.tp.: t.p..

Hj. Muhammad bin Hj. Ahmad Dato’ (1988), “Penghayatan Tentang Harakatul Dakwah dan Harakatul Islam”, Kertas Kerja Seminar Kesedaran Umat Islam Untuk Berdakwah Kepada Masyarakat Belum Islam Di Malaysia, anjuran PERKIM, ABIM dan BAHEIS pada 21 Ogos 1988.

Hood Salleh (1991) “Dakwah Islamiah Dan Pembangunan Masyarakat Orang Asli Di Semenanjung Malaysia”, dalam Ismail Abul



Dakwah Kepada Orang Asli Di Malaysia : Permasalahan dan Halangan

Rahman & Mohd Nasir Omar (eds), *Islam Cabaran Dan Isu Semasa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jabatan Perangkaan Malaysia (1997), “Profil Orang Asli Di Semenanjung Malaysia”, dalam *Siri Monograf Banci Penduduk no: 3*, t.p.: t.p..

JHEOA (1997), *Data Anutan Bagi Orang Asli Mengikut Negeri Seluruh Semenanjong Malaysia Hingga 31 Mei 1997*. Bahagian Penyelidikan Dan Penerangan, 23 Julai 1997.

JHEOA (t.t.), “Membasmi Salah Tanggapan Masyarakat Orang Asli Terhadap Masyarakat Orang Melayu”, Kertas Kerja Bengkel Ketua-Ketua Masyarakat Melayu Berjiran Dengan Kampung Orang Asli, BAHEIS.

JHEOA, (1993) “Senario Aktiviti Rohaniah (Dakwah Islamiah) Kepada Masyarakat Orang Asli”, Kertas kerja Bengkel Metodologi Dakwah Kepada Orang Asli, 3-5 Mei di Strawberry Park Resort, Cameron Highland, anjuran BAHEIS, JHEOA Kuala Lumpur.

JHEOA, (1994), *Kajian Tanggapan Masyarakat Orang Asli Terhadap Agama Islam*, t.p: t.p..

Majlis Keselamatan Negara JPM (1992), “Pendekatan-Pendekatan ke Arah Mengintegrasikan Masyarakat Orang Asli Dengan Orang Melayu Dari Sudut Politik Dan Keselamatan Negara”, Kertas Kerja yang dibentangkan di I.A.B Genting Highland.

Muda @ Ismail Ab.Rahman (1993), “Gerakan Missioneri Kristian Di Malaysia”, Kertas Kerja Kursus Asas Penggerak Masyarakat Di Perkampungan Orang Asli, Anjuran Baheis Di Wisma Belia Jalan Syed Putra, 5-11 Sept. 1993.

Muhammad Bakir bin Hj. Mansor (1982), “Sejauh mana Usaha-Usaha Dakwah Yang Dibuat Oleh Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri Bagi Menarik Orang –Orang Islam Memeluk Islam dan Usaha-Usaha Selanjutnya”, Kertas Kerja Seminar Dakwah Saudara-Saudara Baru, Anjuran JAWI dan PERKIM pada 7 Nov 1982.



Jurnal Usuluddin

Nordin bin Ahmad (1998), “Dakwah Dan Orang Asli Di Semenanjung Malaysia; Kajian Khusus Terhadap Rumpun Temuan Di Selangor”, Disertasi Sarjana, Bahagaian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Rohima bt Muda (1988), “Peranan JHEOA Dalam Perkembangan Islam Di Kalangan Orang Asli Semenanjung Malaysia”, Latihan Ilmiah, Jabatan Usuluddin Dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

Rozhan Othman (1990), *Pengurusan Dakwah*, c. 1. Shah Alam: Ummah Media Sdn, Bhd..

Syed Othman al-Habshi (1993), “Kepentingan Pengurusan Dalam Dakwah Islamiah Di Malaysia”, Kertas Kerja Seminar Dakwah Dan Kepimpinan 11 Peringkat Kebangsaan, Anjuran Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

Tuan Haji Ismail b. Ab.Aziz (1994), “Sumbangan JHEOA Dalam Program Pembangunan Rohaniah/ Dakwah Bil Hal Kepada Masyarakat Orang Asli”, Kertas Kerja Muzakarah Penyelarasan Aktiviti Dakwah Kepada Masyarakat Orang Asli Peringkat Negeri Perak, di Pangkor High Villa 19-22 Januari 1994.

Al-Tuwayr, Hasan Mas`ud (1992), *al-Da`wah ila Allah fi Daw'i al-Kitab wa al-Sunnah*. Damsyik: Dar Qutaybah.

Unit Penyelarasan Pelaksanaan (1994), “Daftar Dan Profail Orang Asli”, Kertas Kerja Bengkel Penyediaan Pakej Khas PPRT Masyarakat Orang Asli Ke Arah Integrasi Dan Perpaduan, anjuran bersama KPNPM, UPP dan JHEOA, 27-30 April 1994, Hotel Strawberry Park,Cameron Highland.

Unit Ukhluwwah Jais, (1417H.), *Laporan Unit Ukhluwwah*, Selangor: Jabatan Agama Islam Selangor.

Urusetia JKKN Pahang (1994), *Gerakan Kristianisasi Kepada Masyarakat Orang Asli, Kesannya Kepada Keselamatan Negara Dan Politik*, t.tp: t.p..



Dakwah Kepada Orang Asli Di Malaysia : Permasalahan dan Halangan

Wan Hussein Azmi (1984), *Ilmu Dakwah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Zaini Hamzah, (1989) “Berdakwah Kepada Masyarakat Belum Islam Di Malaysia”, Kertas Kerja Seminar Umat Islam Untuk Berdakwah Kepada Masyarakat Belum Islam Di Malaysia, pada 21 ogos 1989 di Pusat Islam, Kuala Lumpur.

Zakuan Sawai (1997), “Dakwah Islamiah Kepada Orang Asli; Kajian Khusus Mengenai Transformasi Minda Masyarakat Semai Selepas Memeluk Islam”, Disertasi Sarjana, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.



